


1. Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan bagi sesebuah negara?

- A Kepatuhan undang-undang
- B Kekuasaan tertinggi
- C Ketinggian budaya
- D Kekuatan bangsa

2. Rajah berikut berkaitan ciri rakyat dalam Kerajaan Melayu Melaka.



Apakah X?

- A Mentadbir wilayah pegangan
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Mematuhi undang-undang kerajaan
- D Melaksanakan pungutan cukai

3. Siapakah tokoh sejarawan yang memberikan tafsiran berkaitan pengertian nasionalisme berikut?

Kita hendaklah melahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri.

- A Hans Kohn
- B Dato' Onn Jaafar
- C Dr. R. Suntharalingam
- D Profesor William R. Roff

4. Apakah yang didedahkan dalam karya berikut?

<b>Raden Adjeng</b> <b>Kartini</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hilang Gelap Terbitlah Terang</i></li> <li>• <i>Letters of a Javanese Princess</i></li> </ul>
---------------------------------------	---

- A Ketidakadilan undang-undang  
B Kelemahan pemerintahan  
C Kemerosotan ekonomi  
D Kemunduran rakyat
5. Dialog berikut berkaitan kewujudan fahaman melampau yang menjadi pemungkin tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939 - 1945.



Apakah ideologi baharu yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- I Fasisme  
II Demokrasi  
III Komunisme  
IV Nazisme

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

6. Maklumat berikut merujuk individu yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

- Cekal membantu mangsa perang dan gerila di Perak.
- Mengendalikan klinik di Ipoh.
- Memberi bantuan ubat-ubatan kepada gerila anti-Jepun.


Siapakah yang dapat dikaitkan dengan maklumat tersebut?

- A Albert Kwok  
B Gurchan Singh  
C Sybil Kathigasu  
D Leftenan Adnan
7. Mengapa British Military Administration (BMA) membuat tindakan berikut?

Mengarahkan MPAJA menyerahkan senjata kepadanya pada 1 Disember 1945.

- A Menyusun strategi pentadbiran  
B Mengukuhkan pentadbiran setempat  
C Menyekat ancaman komunis  
D Memastikan keamanan negara

8. Rajah berikut merupakan cara bantahan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.



Mengapa sultan bertindak sedemikian?

- A Kemunduran rakyat tempatan
  - B Kemosnahan warisan bangsa
  - C Kekurangan sokongan pembesar
  - D Kehilangan kedaulatan mentadbir
9. Maklumat berikut berkaitan ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1970 - 1973) pada 23 September 1973.



Bahawa sekalipun kemerdekaan telah dicapai oleh golongan *moderate*, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan.

- Dr. Ismail Abdul Rahman

Apakah sumbangan golongan nasionalis radikal kepada negara berdasarkan maklumat tersebut?

- A Pembebasan tanah air daripada penjajah
- B Pengukuhan hak golongan imigran
- C Perpaduan rakyat pelbagai bangsa
- D Pengukuhan semangat nasionalisme bangsa

10. Gambar berikut merujuk penganjuran hortal pada 20 September 1947 di bandar utama Tanah Melayu.



Apakah sebab berlakunya penganjuran hortal tersebut?

- A Penamatan Malayan Union
  - B Penolakan Perlembagaan Rakyat
  - C Pemansuhan sekolah vernakular
  - D Pengurangan hak imigran
11. Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku akibat ancaman komunis di negara kita.

<b>Tarikh</b>	16 Jun 1948
<b>Peristiwa</b>	Pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah
<b>Lokasi</b>	Sungai Siput, Perak

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pelaksanaan Rancangan Briggs
- B Pembukaan Kampung Baru
- C Perisytiharan Darurat
- D Pendaftaran Kebangsaan

12. Jadual berikut berkaitan jumlah pasukan keselamatan yang terkorban dalam menangani ancaman komunis.

Pasukan	Terkorban
Polis	513
Tentera	519

Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian?

- A Kesiapsiagaan pasukan
  - B Ketidakupayaan kerajaan
  - C Kegagalan perundingan
  - D Kelemahan perisikan
13. Apakah asas penubuhan parti politik tersebut?

Independence Of Malayan Party (IMP) ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar pada 1949.

- A Pengukuhan warisan
  - B Penyatuan wilayah
  - C Perpaduan kebangsaan
  - D Permuafakatan politik
14. Apakah cadangan E.W. Woodhead terhadap perkembangan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1955?
- A Peperiksaan bercorak kebangsaan
  - B Pengukuhan bidang kemahiran
  - C Memartabatkan bahasa Melayu
  - D Memperkasakan bahasa Inggeris

15. Maklumat berikut berkaitan perkembangan pilihan raya yang diadakan di negara kita.

<b>Tarikh pendaftaran pemilih</b>	17 Mei 1951 hingga 30 Jun 1951
<b>Jumlah pengundi</b>	14 514 orang
<b>Lokasi</b>	George Town

Pilihan raya tersebut merujuk kepada

- A Pilihan Raya Negeri
  - B Pilihan Raya Majlis Perbandaran
  - C Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
  - D Pilihan Raya Umum
16. Gambar berikut merujuk sebahagian daripada ahli Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955.



Apakah nilai yang dapat dicontohi melalui semangat perkongsian kuasa antara kaum dalam pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan tersebut?

- A Toleransi
- B Rasional
- C Prihatin
- D Tanggungjawab

17. Maklumat berikut berkaitan reaksi Parti Negara terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Dato' Onn Jaafar telah menolak syarat kewarganegaraan yang longgar.

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

- A Pembentukan suruhanjaya
  - B Membuat rundingan
  - C Mengekalkan draf
  - D Penganjuran kongres
18. Gambar menunjukkan pemasyhuran tarikh kemerdekaan negara di Padang Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peristiwa tersebut?

- I Kemerdekaan negara dalam genggaman
  - II Pembentukan sebuah negara berdaulat
  - III Pengekalan penguasaan kuasa asing
  - IV Perasaan perkauman semakin menebal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


19. Maklumat berikut berkaitan peranan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memeriahkan sambutan pemasyhuran kemerdekaan.

<b>Jawatankuasa Persediaan Fizikal</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>● Pembinaan stadium</li><li>● Pembinaan istana</li><li>● <b>X</b></li></ul>

Apakah X?

- A Penganjuran kursus protokol  
B Pembinaan pintu gerbang  
C Penciptaan baju muskat  
D Penciptaan lagu kebangsaan
20. Apakah tujuan pengenalan Rancangan Buku Merah pada tahun 1961 selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Mengawal kemasukan imigran luar  
B Menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan  
C Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan  
D Memantau kecekapan pengurusan syarikat

21. Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan yang diamalkan di negara kita.



Apakah X?

- A Monarki Mutlak
- B Kerajaan Republik
- C Raja Berperlembagaan
- D Westminister

22. Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

Apakah peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara?


- A Menggubal dasar negara
- B Menjalin kerjasama sempadan
- C Memodenkan aset ketenteraan
- D Menganggotai pasukan keselamatan

23. Apakah tujuan undang-undang tersebut diperkenalkan?

Charter of Justice

- A Melindungi penduduk asal
- B Memelihara kepentingan British
- C Melaksanakan undang-undang Barat
- D Mengantikan undang-undang tempatan

24. Rajah berikut berkaitan kronologi pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat pada tahun 1965.



Kronologi pindaan tersebut dikaitkan dengan

- A Pembentukan Malaysia  
 B Pemisahan Singapura  
 C Penyertaan Brunei  
 D Penentangan Indonesia
25. Undang-undang berikut diwujudkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kesan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Penubuhan Majlis Perundangan Negeri  
 B Pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan  
 C Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan  
 D Penerusan warisan Kesultanan Melayu


26. Pilih pasangan yang **BETUL** tentang badan dan peranan dalam pemerintahan di negara kita?

<b>Badan</b>		<b>Peranan</b>
<b>A</b>	Legislatif	Menggubal undang-undang negara
<b>B</b>	Judisiari	Melaksanakan dasar kerajaan
<b>C</b>	Eksekutif	Mentafsir peruntukan perlembagaan
<b>D</b>	Kehakiman	Melantik jawatan penting

27. Antara berikut, apakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- I Kewarganegaraan
- II Kebajikan awam
- III Peruntukan biasiswa
- IV Pentadbiran keadilan
  
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

28. Rajah berikut merujuk struktur organisasi ESSCOM.



Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan organisasi tersebut?

- A Pencerobohan pengganas
- B Penghapusan dadah
- C Pemusnahan komunis
- D Penentangan pemberontakan

29. Dialog berikut merujuk cadangan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk memasukkan Singapura dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia.



Mengapa cadangan tersebut dibuat oleh Tunku Abdul Rahman?

- I Menghalang ancaman komunis
  - II Menyeimbangkan komposisi kaum
  - III Mengukuhkan semangat perkauman
  - IV Mengelapsi ekonomi tempatan
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

30. Pernyataan berikut berkaitan langkah pembentukan Malaysia.

<b>Rundingan London</b>
Pada bulan November 1961, rundingan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan British yang berjaya menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

Apakah iktibar yang dapat diambil daripada langkah tersebut?

- A Kemampuan mengekalkan kuasa
  - B Kesepakatan menyelesaikan masalah
  - C Kebijaksanaan mendapatkan sokongan
  - D Kecekapan menjalankan tugas
31. Gambar berikut merujuk petikan akhbar berkaitan tindakan yang diambil oleh Tunku Abdul Rahman terhadap pemisahan Singapura.



Mengapa beliau mengambil tindakan tersebut?

- A Menjaga kepentingan ekonomi
- B Menjamin ketenteraman awam
- C Membanteras ancaman komunis
- D Melindungi kuasa sultan

32. Pernyataan berikut merujuk kepada tanggungjawab Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) .

Kerajaan menguatkusakan Akta Hasutan 1948 bagi mengawal ketenteraman negara.

Mengapakah ketenteraman negara terancam?

- A** Pencerobohan pengganas
- B** Masalah pelanunan
- C** Ancaman komunis
- D** Rusuhan kaum

33. Apakah tumpuan laporan tersebut terhadap perkembangan sistem pendidikan negara?

- Penyata Jawatankuasa Razak 1956
- Laporan Rahman Talib 1960

- A** Fahaman politik
- B** Perpaduan kaum
- C** Kemahiran vokasional
- D** Kemampunan teknologi

34. Dialog berikut berlaku antara guru dan murid berkaitan kesan pengamalan prinsip Rukun Negara.

<b>Azizi</b> :	Cikgu Ahmad, apakah perkara yang sepatutnya dilakukan sekiranya kita menjunjung setiap prinsip Rukun Negara?
<b>Cikgu Ahmad :</b>	Ya, Azizi. Kita perlu sentiasa menghormati simbol dan lambang negara.

Berdasarkan dialog berikut, apakah prinsip Rukun Negara yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- A** Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- B** Kedaulatan Undang-undang
- C** Kesopanan dan Kesusilaan
- D** Keluhuran Perlembagaan

35. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 untuk melaksanakan pembukaan tanah baharu.

Apakah kesan pembukaan tanah tersebut?

- I Peningkatan taraf hidup
  - II Sektor perladangan berkembang
  - III Bilangan usahawan bertambah
  - IV Harga komoditi meningkat
- 
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

36. Senarai berikut berkaitan pemilikan modal saham oleh kaum bumiputera.

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Mengapakah kerajaan melakukan usaha tersebut?

- A** Mengiktiraf kedudukan peribumi
- B** Melahirkan golongan kaya
- C** Menyusun semula masyarakat
- D** Mengukuhkan penglibatan koperasi

37. Tokoh berikut terlibat dalam agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

<b>Tokoh X</b>	
1990-1992	Mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat United Nations Development Programme ( UNDP )
1991	Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB
2000 -2005	Wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar

Siapakah tokoh X?

- A** Tan Sri Dr.Jemilah Mahmood
- B** Datuk Maimunah Mohd Sharif
- C** Tan Sri Razali Ismail
- D** Tan Sri Aboo Samah Abu Bakar

38. Apakah tujuan Malaysia menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel?

- A** Mengatasi masalah kemiskinan
- B** Memelihara alam sekitar
- C** Membantu golongan pelarian
- D** Meningkatkan kerjasama kebudayaan

39. Maklumat berikut berkaitan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan.

- Muslim Care Malaysia
- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

Apakah misi perjuangan NGO tersebut?

- A Menyediakan perlindungan politik
  - B Mengelakkan keamanan dunia
  - C Memberi bantuan kemanusiaan
  - D Meningkatkan kerjasama serantau
40. Malaysia menandatangani Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995.

Apakah sebab pelibatan Malaysia dalam perjanjian tersebut?

- A Menguji kekuatan senjata
- B Memupuk keamanan dunia
- C Memajukan sektor perindustrian
- D Menjamin keselamatan serantau

***SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT***